

TARIKH : 8 APRIL 2016

AKHBAR : SINAR HARIAN
(PORT DICKSON)

M/S : 42

TAJUK : [PORT DICKSON]
FESTIVAL KEBUDAYAAN TARIKAN TERBARU DI PCN

Festival kebudayaan tarikan terbaru di PCN



Ab Khalid (dua, kiri) diiringi Pengarah Yayasan Negeri Sembilan, Jamaludin Abu Bakar (tiga, kiri) ketika mengunjungi pengusaha *food truck* yang berada di PCN.

PORT DICKSON – Festival kebudayaan yang diadakan minggu keempat setiap bulan di Pulau Cahaya Negeri (PCN) menjadi satu lagi daya tarikan utama sektor pelancongan di daerah ini.

Menurut Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson, Datuk Ab Khalid Mat, persembahan kebudayaan dan nyanyian band muzik sekitar negeri ini diadakan secara santai bagi seisi keluarga menghabiskan malam hujung minggu mereka.

Menurutnya, program bermula hujung bulan lalu itu mendapat sambutan menggalakkan dan beliau percaya ia akan berjaya menarik lebih ramai pengunjung ke PCN.

"Program ini bagi menggalakkan lagi kehadiran pengunjung ke Port Dickson terutamanya pada waktu malam, selain adanya

persembahan kebudayaan, PCN juga mempunyai kawasan parkir yang luas sesuai untuk aktiviti riadah keluarga seperti bermain kasut roda dan sebagainya.

"Kita juga mewujudkan gerai jualan berkonsepkan *food truck* sekali gus membolehkan pengunjung membeli makanan dan minuman di situ," katanya ketika ditemui semasa Festival Pantai Cahaya Negeri, baru-baru ini.

Tambah Ab Khalid lagi, PCN baru sahaja selesai dinaik taraf bagi memberi keselesaan kepada pengunjung dan mula dibuka sejak awal tahun ini.

"Turut terdapat jambatan menghubungkan Pulau Burung, sebuah pulau paya bakau yang dilengkapi laluan pejalan kaki serta menara tinjau bagi menikmati pemandangan laut Port Dickson," katanya.